

Program Kesedaran Awam Mengenai Cuaca Ekstrem, Gempa Bumi dan Tsunami Peringkat Negeri Pahang Tahun 2008 telah dilangsungkan pada 24 November 2008 (hari Isnin), 8.30 pagi dan berakhir kira-kira jam 2.00 petang.

Program anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui agensinya, Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN) ini telah dirasmikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, YH Dato' Haji Mohamad Ridzwan bin Haji Mohd Taha di Auditorium Taman Budaya, Kuantan, Pahang.

Kira-kira 102 orang peserta yang terdiri daripada media, wakil jabatan, wakil agensi dan ketua-ketua kampung menghadiri program ini.

Objektif program kesedaran ini antara lain adalah untuk :-

- Memberi kefahaman mengenai bencana cuaca ekstrem, gempa bumi dan tsunami.
- Menghebahkan kewujudan pusat amaran pelbagai bencana sebagai pusat pemantauan kejadian cuaca ekstrem, gempa bumi dan tsunami dan menyebarkan maklumat serta amaran yang berkaitan dengannya.
- Meningkatkan kesedaran di kalangan pihak media dan orang awam mengenai persediaan awal dalam menghadapi cuaca ekstrem, gempa bumi dan tsunami.
- Memantapkan lagi tindak balas kecemasan agensi kerajaan dan bukan kerajaan terhadap cuaca ekstrem, gempa bumi dan tsunami.

Aturcara yang dijalankan sepanjang program berlangsung ialah ceramah mengenai Impak Perubahan Iklim dan Kesannya ke atas Cuaca Ekstrem di Malaysia (JMM), Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia (SAATNM) (JMM), Peranan JPS dalam Pemantauan Banjir (JPS), Peranan Jabatan Kesihatan semasa Bencana (Jbkn Kesihatan) dan Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam Menghadapi Bencana (JKM).



Antara peserta yang hadir semasa Majlis Perasmian Program Kesedaran Awam Mengenai Cuaca Ekstrem, Gempa Bumi dan Tsunami di Kuantan, Pahang.



Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, YH Dato' Haji Mohamad Ridzwan bin Haji Mohd Taha menyampaikan ucapan seterusnya merasmikan program yang disambut di Auditorium Taman Budaya, Kuantan, Pahang.



Perasmi diiringi Pengarah Pejabat Meteorologi Kuantan dibawa melawat tapak pameran yang disertai oleh Pejabat Meteorologi Kuantan, Jabatan Pertahanan Awam Negeri Pahang, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pahang, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pahang dan Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan.